# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## RABU 10 JANUARI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8. | MINISTRY NOT REVIEWING LICENCES FOR PADDY SECTOR, NATION, CHINA PRESS -A3<br>MAFS ALLOCATES RM50 MILLION FOR FLOOD-AFFECTED FARMERS, BREEDERS, FISHERMEN, KL/SELANGOR, NANYANG SIANG PAU -B3<br>AGRICULTURE AND FOOD SECURITY MINISTRY ALOOCATES RM50m TO COMPENSATE FLOOD-AFFECTED, NATION, SIN CHEW DAILY -6<br>MAFS READY TO AUDIT 39,000 LICENCE HOLDERS IN RICE AND PADDY INDUSTRY TO ADDRESS CARTEL, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4<br>MyCC SIASAT KARTEL BERAS, DALAM NEGERI, UM -1 & 3<br>KALAU BUKAN KARTEL, MANA PERGI BERAS TEMPATAN?, DALAM NEGERI, UM -9<br>KPKM PERUNTUK RM50 JUTA BANTU PETANI, NELAYAN TERJEJAS BANJIR, NASIONAL, SH -10<br>TUBUH PASUKAN KHAS HAPUS KARTEL, NASIONAL, SH -12 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 9.<br>10.<br>11. | LABUAN SEES RISE IN TURTLE HATCHLING RELEASES, NATION, DAILY EXPRESS (KK) -3<br>2023 SAW INCREASE IN TURTLE HATCHLING RELEASE IN LABUAN, REPORT SHOWS, HOME, BORNEO POST (KK) -3<br>WARGA ASING GUNA PUKAT HARAM, NELAYAN TERANCAM, DALAM NEGERI, UM -32 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17. | MOHAMAD SABU UMUM ENAM INISIATIF BANTU PETANI TERJEJAS BANJIR, SUMBER KINI -ONLINE<br>GOVT ALLOCATES RM50mil TO HELP-HIT FARMERS, FISHERMEN, NATION, CHINA PRESS -A5<br>RM50 MILLION RELIEF CASH AID FOR FARMERS, BREEDERS, NATIONAL, THE SUN -4<br>PUSAT PEMBANGUNAN KOMUNITI JADI HAB INOVASI PERTANIAN, EKONOMI, UM -36<br>DANA RM50 JUTA BANTU PETANI, PELADANG, NELAYAN TERJEJAS BANJIR, NASIONAL, BH -17<br>AGROBANK LANCAR CDC PERTAMA DI RTC, NIAGA, KOSMO -37 | AGROBANK |
| 18.<br>19.<br>20.<br>21. | KDN, AGC RANGKA RUU TUBUH AGENSI TUNGGAL KAWAL NEGARA, NEGARA, KOSMO -4<br>BEKALAN SAYUR KURANG, HARGA NAIK, DALAM NEGERI, UM -33<br>REZEKI JUAL IKAN BEKOK, RAIH RM4,000 SEBULAN, NEGARA, KOSMO -18<br>DARI JURUDAWAI ELEKTRIK KE PERTANIAN, LOKAL, HM -13 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | Ministry not reviewing licences for paddy sector | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 10 Jan 2024 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 141 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,781 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,343 |



# 不重審計稻米業執照

## 農業部已發3.9萬張



■阿兹曼马末

（吉隆坡9日讯）农业及食品安全部至今已发出3万9000张国家稻米行业商业执照，唯也表明不会对这些执照展开审计工作。

农业及食品安全部稻米管制组主任拿督阿兹曼马末指出，该部在发出执照和准证前，已对申请者制定严格条件。

“无论是涉及生产、批发、零售、或进出口（稻米），我们只向符合条件者发出执照。”

他接受《马来西亚前锋报》访问时说，人们如今申诉难以买到本地米的问题，与垄断国家稻米业的同业联盟（kartel）问题无关。



他反而认为，本地米短缺是受到批发本地米情况影响，如人们在行善时，购买本地米，而商家也大量批发本地米。

“政府招标的数个项目，是用本地米提供他人援助，如穆斯林为有资格获得援助的群体提供协助，造成目前本地米短缺。”

上述3万9000张执照，包括白米批发、进出口、碾米、稻米收购、米粮零售以及销售稻谷的特别执照。

然而，大马消费人协会联合会（FOMCA）副秘书长诺艾丝金受访时认为，农业及食品安全部否认有同业联盟（kartel），涉及垄断稻米市场和控制价格问题，并不足以解决本地米的生产和供应短缺问题。

她说，本地米在市场上，理应占米粮68%，但大马消费人协会联合会经常接获投诉，申诉难以在超市买到本地米。

“大马消费人协会联合会认为，大马竞争委员会是时候介入应对此问题，他们有权鉴定是否存在垄断本地米行业的同业联盟。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS allocates RM50 million for flood-affected farmers, breeders, fishermen | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 10 Jan 2024 | Color | Full Color |
| Section | KL/Selangor | Circulation | 27,667 |
| Page No | B3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 166 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,088 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,264 |



## 水灾冲击农渔民

# 农业部拨5千万救助

（哥打峇鲁9日讯）农业及粮食安全部在农业灾害基金之下发放5000万令吉拨款，向因水灾而蒙受损失的稻农、养畜业者、农民和渔民支付高达50%的赔偿。

农长拿督斯里莫哈末沙布指出，根据所接获的初步报告，单是吉兰丹的农粮领域估计损失总额超过2000万令吉，1875人受波及。

“受严重影响的地区，分别是道北、哥打峇鲁、巴西马、万捷、丹那美拉、巴西富地、马樟、日里、瓜拉吉赖及话望生。”

他今日出席丹州的一项昌明农业活动后，对媒体这么说。较早前，他移交食物篮予超过200名在日前水灾受影响的农民、畜牧者和渔民。



莫哈末沙布（左）派发必需品给灾民。

莫哈末沙布说，农粮实施的倡议在帮助受水灾影响的目标群体至关重要，以便他们能够复业，并为国家的种植和农粮领域的增长做出贡献。

“为进一步加强粮食安全，2024年财政预算案已准备4亿令吉拨款，用于推行各个专项倡议，着重于提高国内主要食品商品的生产及自给率。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture and Food Security Ministry allocates RM50m to compensate flood-affected | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 10 Jan 2024 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 6 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 126 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,789 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 8,367 |



## 農糧部：包括農漁民小園主
# 撥5千萬助受災業者

（哥打峇鲁9日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布宣布，拨款5000万令吉协助受水灾影响的农民、牧场者、小园主及渔民。

他说，上述拨款将通过农业灾害基金拨出，并提供高达损失额50%的补偿。

### 农业银行准延期还贷

与此同时，农业银行将为受水灾影响的现有借款人提供长达6个月的延期还款。此外，农业银行也将向农产品企业家提供高达4.3亿令吉的贷款便利。

他今天出席吉兰丹农业理事会会议后，向媒体作出这项宣布。

他指出，根据统计，水灾给丹州的农业食品领域造成预计高达2030万8752令吉的损失，受影响业者1875人。涉及的县属包括道北、哥打峇鲁、巴西马、万捷、丹那美拉、马樟和日里。

### 加强粮安需各方努力

而其中，稻米作物的损失高达1100万令吉。

另外，末沙布表示，加强粮食安全计划，不只是农粮部的单独责任，而是涉及各方的共同努力。

他指出，政府在2024年财政预算案中共拨款4亿令吉，以落实巩固粮食安全计划，以全面提升本地粮食的生产量，从而减少过度依赖进口食品。当中有1亿5000万令吉专用在联邦政府与州政府的合作项目，以最大化土地的利用，提升畜牧业和农作物产量。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS ready to audit 39,000 licence holders in rice and paddy industry to address cartel- | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 10 Jan 2024 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A4 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 127 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 962 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,886 |



# 农业部矢揪"卡特尔" 将审计3.9万米商准证

（万捷9日讯）农业及粮食安全部将审计国内约3万9000名稻米业者，即白米批发、出口、进口、碾米厂、收购商、零售商，以及销售经过认证稻种的特别准证持有人，以便解决有关"卡特尔"的问题。

该部部长拿督斯里莫哈末沙布说，目前已有案件已进入法律诉讼程序。

他说，有关调查是与国内贸易及生活成本部联手展开，在考虑到国贸部在解决有关"卡特尔"问题上的作用，该部仅根据具体事实做出回应，不会公开个别案件。

"政府通过国家稻米公司，并在国内贸易及生活成本部协调下，据实展开调查。"

他昨日参观丹州参观丹州日拉瓦甘榜瑟能一个养牛农场中心后，向媒体如此表示。

莫哈末沙布也说，他亲自参与突击行动，以评估白米状况和食品消费的各方问题，有关突击事先并没有知会业者。

"目前有关'卡特尔'问题正逐步解决，因政府正采取集体行动，如果有人抵触法律，相信国内贸易和生活成本部将采取适当措施，正如该部目前正进行的事。"

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

# MyCC siasat kartel beras

Oleh **NURUL IRDINA SUMALI**
irdina.sumali@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Bahagian Pengawalan Padi dan Beras akan mengadakan mesyuarat dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 19 Januari ini bagi menyiasat segera isu berkaitan dakwaan wujud kartel yang menekan nasib pesawah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Mahmood berkata, sekiranya didapati ada pemegang lesen berkaitan padi dan beras gagal mematuhi syarat atau melanggar peraturan ditetapkan, mereka akan dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah.

Katanya, bagi pemegang lesen padi benih pula, lesen mereka akan dibatalkan kalau melanggar syarat.

"Langkah ini bagi memastikan ketelusan serta mengesahkan semua aktiviti mereka tidak melanggar mana-mana syarat.

"Jika didapati bersalah, mereka akan dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah untuk pemegang lesen yang langgar kecuali pemegang lesen padi benih akan dibatalkan lesen kalau langgar syarat.

"Kita akan adakan mesyuarat bersama MyCC bagi menyiasat perkara ini secara keseluruhan," katanya di sini, semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* mendedahkan mengenai kewujudan kartel yang menekan nasib pesawah.

Gabungan Pengilang Beras Malaysia mendakwa ada kartel yang dimonopoli oleh empat hingga lima syarikat besar dalam menentukan harga padi, beras serta pembekal benih.

**Bersambung di muka 3**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# MyCC siasat kartel beras

Dari muka 1

Kartel itu juga dikatakan memonopoli lebih 60 peratus pengeluaran beras negara.

Bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menafikan dakwaan kewujudan kartel atau mafia yang dikatakan bertindak menentukan harga padi di negara ini sambil memaklumkan sebanyak 39,000 lesen pelbagai jenis dikeluarkan dalam industri tersebut.

Dalam pada itu, Azman memberi jaminan bersedia untuk mengaudit semula 39,000 pemegang lesen bagi urus niaga padi dan beras negara seperti diperkatakan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau memberitahu, pihaknya sentiasa bersedia untuk mengaudit sekiranya disyorkan oleh menteri.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 9 |

# Kalau bukan kartel, mana pergi beras tempatan?

**Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD**
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Pesawah mempersoalkan penafian Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) tentang kewujudan kartel yang didakwa punca berlakunya kekurangan beras putih tempatan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Mat Zain berkata, alasan kekurangan beras tempatan disebabkan kegiatan memborong makanan ruji itu termasuk pihak yang memberi bantuan tidak dapat diterima.

Menurut beliau, jika faktor tersebut disahkan sebagai punca utama ketiadaan beras tempatan di pasaran, kerajaan seharusnya mewujudkan peraturan yang lebih jelas agar kegiatan itu dihentikan bagi memberi laluan kepada pengguna mendapatkan bekalan dengan lebih mudah.

"Tidak semua pengguna berpeluang mengunjungi program-program dianjurkan yang turut menawarkan penjualan beras tempatan, ada yang hanya berbelanja di kedai-kedai berdekatan rumah mereka sahaja.

"Tetapi mengapa kali ini krisis beras tempatan teruk sangat sehingga ada peniaga yang tidak dapat bekalan itu berbanding lambakan beras import yang jauh lebih mahal, ke mana perginya padi yang petani jual," katanya ketika dihubungi semalam.

Akhbar ini semalam melaporkan, KPKM tidak akan melakukan audit semula terhadap pemberian 39,000 lesen dan permit bagi urus niaga padi dan beras negara kerana kata Ketua Pengarah Bahagian Pengawalan Padi dan Beras KPKM, Datuk Azman Mahmood berkata, kementerian telah melakukan saringan dan mengenakan syarat ketat kepada pemohon sebelum lesen dikeluarkan.

Menurut beliau, masalah yang sedang berlaku sekarang iaitu bekalan beras tempatan yang didakwa sukar dibeli tidak ada kaitan dengan kartel atau monopoli beras negara.

Sementara itu, seorang pesawah, Mohd. Yatim Ismail, 64, berkata, penguasaan kartel dalam kalangan pesawah bukan perkara baharu sebaliknya telah berakar umbi sejak puluhan tahun lalu.

"Mungkin dahulu orang tidak sebut sebagai kartel kerana ia hanya satu perkataan tetapi kegiatan yang dilakukan mereka sama sahaja seperti dahulu sehingga menyebabkan pesawah terikat sejak proses menanam sehingga menuai padi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# KPKM peruntuk RM50 juta bantu petani, nelayan terjejas banjir

**KOTA BHARU** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperuntukkan RM50 juta di bawah Tabung Bencana Pertanian untuk memberi pampasan sehingga 50 peratus daripada kerugian akibat bencana banjir kepada petani, penternak, peladang dan nelayan.



MOHAMAD

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, berdasarkan laporan awal diterima, anggaran jumlah kerugian oleh sektor agromakanan di Kelantan sahaja menjangkau lebih RM20 juta yang melibatkan 1,875 orang.

"Antara kawasan teruk terjejas adalah Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Tanah Merah, Pasir Puteh, Machang, Jeli, Kuala Krai dan Gua Musang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Sentuhan Agro Madani Kelantan di sini pada Selasa.

Terdahulu, Mohamad turut menyampaikan sumbangan bakul makanan kepada lebih 200 golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas akibat banjir baru-baru ini. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Tubuh pasukan khas hapus kartel

**KPKM sedia audit pemain industri beras**



Mohamad (duduk, dua dari kiri) ketika sidang akhbar lawatan ke projek pembiakan dan penternakan lembu baka wagyu di Kampung Seneng, Jelawat, Bachok pada Isnin.

**BACHOK** - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedia menjalankan audit ke atas semua pemain industri beras di negara ini dalam usaha membanteras isu kartel.

Proses audit itu melibatkan 39,000 pemain industri beras bermula dari pemegang lesen borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan penternakan lembu baka wagyu di Kampung Seneng, Jelawat di sini.

Menurut beliau, apabila bercakap soal sekuriti, KPKM melalui agensinya iaitu Kawal Selia Padi dan Beras Negara (KSPBN) melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang.

Ujarnya, ketika ini sudah ada yang didakwa, mereka akan dibawa ke mahkamah timbang tara untuk

**Laporan *Sinar Harian* pada Selasa.**

## Dalang kartel makanan perlu hukuman berat

**Oleh NURATIKAH ATHILYA HASSAN**
**SHAH ALAM**

Kerajaan perlu mewujudkan pasukan petugas khas bagi memberi fokus terhadap penghapusan kartel semua jenis makanan yang dibawa masuk ke negara ini.

Pakar Kriminologi, Shahul Hamid Abd Rahim berkata, hukuman berat juga perlu dikenakan terhadap syarikat atau mana-mana individu yang menjadi dalang dalam kegiatan tersebut.

Menurutnya, pasukan khas itu boleh ditubuhkan dengan kerjasama antara KPKM bersama beberapa pihak lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Kerajaan perlu berani dan tegas untuk tangani isu kartel ini dengan serius. Tubuhkan pasukan khas, kenal pasti siapa yang terlibat dan jatuhkan hukuman yang berat kepada mereka.

"Sekiranya ia masih berada dalam negara, selagi itulah harga barangan akan turun naik tanpa kawalan yang betul. Jadi kalau mahu hapuskan, kena lakukan dengan serius," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Sebelum ini, KPKM dilaporkan bersedia untuk menjalankan audit terhadap pemegang lesen borong beras, eksport, import, kilang padi, membeli padi, beras runcit dan kelulusan khas menjual benih padi bagi benih padi sah (BPS) bagi membanteras isu tersebut.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kira-kira 39,000 daripada mereka terlibat dalam industri makanan itu.



> *Kerajaan perlu berani dan tegas untuk tangani isu kartel ini dengan serius. Tubuhkan pasukan khas, kenal pasti siapa yang terlibat dan jatuhkan hukuman yang berat kepada mereka."*
>
> **- Shahul Hamid**

Ujar Mohamad, situasi kini masih terkawal dan beransur pulih tetapi pihaknya tidak teragak-agak untuk melakukan serbuan mengejut sekiranya masih terdapat laporan mengenai masalah sama.

Mengulas lanjut, Shahul berkata, isu kartel bukan perkara baharu dan tanpa tindakan tegas, ia akan tetap berkembang dan kekal dalam pasaran.

"Lakukan penghapusan kartel dahulu kerana mereka yang mengawal harga dan segala-galanya sehinggakan kerajaan pula yang terpaksa mengikut kehendak mereka," katanya.

Dalam pada itu, Shahul Hamid turut mengingatkan orang ramai untuk segera melaporkan kegiatan sorok stok melibatkan semua jenis makanan kepada pihak berwajib.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Labuan sees rise in turtle hatchling releases | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 10 Jan 2024 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 3 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 176 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 935 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,805 |



# Labuan sees rise in turtle hatchling releases

LABUAN: The Labuan Fisheries Department reported a notable surge in turtle hatchling releases during the year 2023, with a total of 1,883 hatchlings making their way to the sea, marking a slight increase compared to the 1,653 hatchlings released in 2022.

Labuan Fisheries Department Director Faizal Ibrahim Suhaili said the hatchlings released were of the Hawksbill turtle species.

He said these hatchlings were discovered in various locations, including Rusukan Besar Island, Rusukan Kecil Island, Kuraman Island and Sungai Labu beach.

"We released the hatchlings to the sea from our Turtle Conservation Centre at Rusukan Besar Island in stages, starting early in the year and continuing until the end of the year," he said, Tuesday.



In addition to the successful hatchling releases, Faizal Ibrahim shared insights into the turtle landing and nesting activities for the year 2023.

The recorded count for turtle landings and nesting in 2023 was 18, a slight drop from the 20 recorded in the previous year.

He said among the preferred locations for turtle landing and nesting identified by the Labuan Fisheries Department are Rusukan Besar Island, Rusukan Kecil Island and Kuraman Island.

"These areas have consistently been recognised as key sites for the conservation efforts aimed at protecting the Hawksbill turtle population.

"The Labuan Fisheries Department remains committed to its ongoing efforts to safeguard and preserve the marine biodiversity in this island," he said.

Faizal Ibrahim said the increase in hatchling releases signifies a positive trend in the conservation initiatives, contributing to the protection of Hawksbill turtles in Labuan.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 2023 saw increase in turtle hatchling releases in Labuan, report shows | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 10 Jan 2024 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 3 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 81 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 226 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 677 |



# 2023 saw increase in turtle hatchling releases in Labuan, report shows

**LABUAN:** The Labuan Fisheries Department reported a notable surge in turtle hatchling releases during the year 2023, with a total of 1,883 hatchlings making their way to the sea, marking a slight increase compared to the 1,653 hatchlings released in 2022.

Labuan Fisheries Department director Faizal Ibrahim Suhaili said the hatchlings released were of the Hawksbill turtle species.

He said these hatchlings were discovered in various locations, including Rusukan Besar Island, Rusukan Kecil Island, Kuraman Island, and Sungai Labu beach.

"We released the hatchlings to the sea from our Turtle Conservation Centre at Rusukan Besar Island in stages, starting early in the year and continuing until the end of the year," he told Bernama yesterday.

In addition to the successful hatchling releases, Faizal Ibrahim shared insights into the turtle landing and nesting activities for the year 2023.

The recorded count for turtle landings and nesting in 2023 was 18, a slight drop from the 20 recorded in the previous year.

He said among the preferred locations for turtle landing and nesting identified by the Labuan Fisheries Department are Rusukan Besar Island, Rusukan Kecil Island, and Kuraman Island.

"These areas have consistently been recognised as key sites for the conservation efforts aimed at protecting the Hawksbill turtle population.

"The Labuan Fisheries Department remains committed to its ongoing efforts to safeguard and preserve the marine biodiversity in this island," he said.

Faizal Ibrahim said the increase in hatchling releases signifies a positive trend in the conservation initiatives, contributing to the protection of Hawksbill turtles in Labuan. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32 |



AHMAD Faizal Abd. Rashid (kiri) menunjukkan lokasi yang sering menjadi tempat kegiatan menangkap ikan warga asing di Sungai Sepetang di Bagan Serai, Perak. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

# Warga asing guna pukat haram, nelayan terancam

**BAGAN SERAI:** Berpuluh nelayan darat di Pangkalan Lubuk Buntar, Simpang Empat Semanggol di sini terjejas pendapatan berikutan kegiatan pukat sorong dan pukat apollo yang dipercayai dilakukan warga asing dari Kuala Sepetang.

Kumpulan nelayan itu mendakwa, kegiatan tersebut merosakkan ekosistem dan sumber perikanan di perairan tersebut dan didapati semakin berleluasa.

Nelayan tempatan juga mendakwa menerima ancaman secara lisan daripada warga asing yang mengendalikan bot pukat tersebut ketika cuba menegur perbuatan mereka menggunakan pukat sorong dan pukat apollo.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang nelayan, Mohd Azmi Nordin, 33, berkata, kegiatan itu bukan isu baharu, malah sudah lama dibangkitkan nelayan kepada pihak berkenaan.

Menurutnya, memang ada tindakan daripada agensi penguat kuasa berkaitan yang melakukan pemantauan, namun masih tidak mampu mengekang kegiatan itu.

"Sejak kebelakangan ini, kegiatan warga asing menggunakan pukat sorong dan pukat apollo di kawasan ini semakin berleluasa, mereka tidak takut kepada pihak penguat kuasa," katanya.

Sementara itu, Ketua Jaringan Perikanan (KJP) Kuala Kurau, Ahmad Faizal Abd Rashid berharap agensi yang berkenaan menjalankan operasi pemantauan lebih kerap.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | SUMBER KINI | ONLINE | |

# Mohamad Sabu Umum Enam Inisiatif Bantu Petani Terjejas Banjir




PETALING JAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengariskan enam bantuan disediakan kepada kumpulan pertanian yang terjejas banjir baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, enam inisiatif yang disediakan kepada Petani, Penternak, Peladang dan Nelayan termasuk mereka yang terjejas akibat bencana banjir.

"Saya amat berharap dengan bantuan ini ianya sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang dihadapi.

"Kementerian membawa mandat dari Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kumpulan sasar pertanian yang terjejas terus dibantu sehingga pulih dan dapat beroperasi semula seperti sedia kala," katanya menerusi Facebook pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Sentuhan Agro Madani Peringkat Negeri Kelantan Tahun 2024 yang diadakan di RTC Fama, Tunjung, Kota Bharu, Kelantan.

Enam inisiatif untuk kumpulan pertanian terbabit iaitu;

1. Tabung Bencana Pertanian RM50 juta untuk diberikan atas nilai pampasan sehingga 50% dari jumlah kerugian.

2. RM2.6 billion yang meliputi subsidi dan insentif kepada pesawah dan nelayan.

3. Peningkatan harga lanttai belian padi dari RM1,200 kepada RM1,300.

4. Skim Takaful Tanaman Padi akan diperkenalkan dengan dana RM50 juta.

5. Subsidi diesel pada harga terendah RM1.65 seliter kepada nelayan dan Elaun Sara Hidup RM300 sebulan serta Insentif Hasil Tangkapan Nelayan sehingga RM1,000 sebulan.

Turut disediakan RM10 juta untuk pembinaan rumah nelayan yang uzur.

6. Agrobank turut menyediakan dana pinjaman sehingga RM430 juta dan moratorium sehingga enam bulan bagi mereka yang terjejas dengan banjir.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Govt allocates RM50mil to help flood-hit farmers, fishermen | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 10 Jan 2024 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 177 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,491 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,473 |



# 農業部撥款5000萬
## 付水災蒙損農漁民




■莫哈末沙布（左）与农业银行总执行长东姑阿末交流。

（哥打峇鲁9日讯）农业及食品安全部在农业灾害基金之下发放5000万令吉拨款，向因水灾而蒙受损失的稻农、养畜业者、农民和渔民支付高达50%的赔偿。

农长拿督斯里莫哈末沙布指出，根据所接获的初步报告，单是吉兰丹的农粮领域估计损失总额超过2000万令吉，1875人受波及。

"受严重影响的地区，分别是道北、哥打峇鲁、巴西马、万捷、丹那美拉、巴西富地、马樟、日里、瓜拉吉赖及话望生。"

他今日出席在丹州举行的一项昌明农业活动后，对媒体这么说。较早前，他移交食物篮予超过200名在日前水灾受影响的农民、畜牧者和渔民。

莫哈末沙布说，农粮实施的倡议在帮助受水灾影响的目标群体至关重要，以便他们能够复业，并为国家的种植和农粮领域的增长做出贡献。

他指出，食品安全的范畴不仅仅是该部的责任，而是涉及所有相关单位的角色，以与"粮食安全是共同责任"的概念相符。

"为了进一步加强粮食安全，2024年财政预算案已准备4亿令吉拨款，用于推行各个专项倡议，著重于提高国内主要食品商品的生产及自给率。

"在这笔拨款当中，有1亿5000万令吉用于与州政府合作优化土地利用，以提高农作物和畜牧业的产量。"

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | THE SUN | NATIONAL | 4 |

# RM50 million relief cash aid for farmers, breeders

**KOTA BHARU:** The Agriculture and Food Security Ministry has allocated RM50 million from the Agricultural Disaster Fund to provide relief for up to 50% of losses incurred by farmers, breeders and fishermen affected by floods.

Its minister, Datuk Seri Mohamad Sabu, said based on initial reports, the agro-food sector in Kelantan has incurred an estimated total loss of over RM20 million involving 1,875 individuals.

"The severely affected areas include Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Tanah Merah, Pasir Puteh, Machang, Jeli, Kuala Krai and Gua Musang," he said after the "Kelantan Sentuhan Agro Madani" programme here yesterday.

Earlier, the minister presented food baskets to over 200 farmers, breeders and fishermen affected by the recent floods.

Mohamad said the ministry's initiatives are crucial in aiding flood-affected target groups to recover, contributing to the growth of the country's agriculture and agri-food sector.

He added that the scope of food security is not solely under the responsibility of the ministry but involves the collective effort of all parties in line with the concept "Food Security Is a Shared Responsibility".

"To strengthen food security further, a total of RM400 million has been allocated in the 2024 Budget to implement various specific initiatives with a focus on increasing domestic production and self-sufficiency rates of key food commodities.

"One of the ministry's long-term goals is to enhance irrigation and drainage infrastructure in non-*padi* cultivation areas, aiming to enable crops to be cultivated twice a year," he said, adding that cooperation and support from state governments are crucial for this initiative. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 36 |

# Pusat Pembangunan Komuniti jadi hab inovasi pertanian

**KOTA BHARU:** Agrobank menjadikan Pusat Pembangunan Komuniti sebagai hab inovasi pertanian dalam memperkasakan lagi bidang di kawasan luar bandar supaya ia bergerak lebih mampan pada masa hadapan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pada masa sama ia turut berfungsi sebagai pusat pendidikan dan penglibatan komuniti setempat.

Menurutnya, inisiatif ini selaras dengan aspirasi kerajaan dalam memastikan rakyat terutamanya kumpulan tumpuan mendapat maklumat mengenai perkhidmatan disediakan Agrobank sekaligus menikmati akses pantas dan mudah.

"Perasmian Pusat Pembangunan Komuniti Agrobank ini adalah manifestasi dedikasi kami untuk memperkasakan komuniti tempatan, memupuk inovasi dan menyumbang kepada kemakmuran jangka panjang sektor pertanian.

"Ia menyediakan maklumat mengenai geran, subsidi dan peluang pembiayaan serta akses sumber kewangan yang penting untuk projek pembangunan projek pertanian," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Pusat Pembangunan Komuniti Agrobank oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjung, di sini semalam.

Tengku Ahmad Badli Shah memberitahu, Pusat Pembangunan Komuniti Agrobank di RTC Tunjung yang dimiliki Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melibatkan seramai 807 peruncit.

Katanya, pusat tersebut turut menyediakan perkhidmatan pembangunan modal insan dalam mengintegrasikan petani dan teknologi untuk meningkatkan kecekapan yang merangkumi penggunaan alat pertanian khusus, perisian pengurusan ladang serta peranti IoT.

"Usaha ini adalah salah satu inisiatif bagi mencapai misi Agrobank iaitu memperkasakan pertanian melangkaui perbankan.

"Ia juga menyokong pembangunan mampan dalam penyampaian faedah ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk mewujudkan nilai perniagaan besar seperti alam sekitar, sosial dan tadbir urus serta kerjasama dengan agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO)," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Dana RM50 juta bantu petani, peladang, nelayan terjejas banjir

**Agrobank turut sedia pinjaman RM430j kepada pengusaha agromakanan, tawar moratorium 6 bulan**

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

**Kota Bharu:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menyediakan RM50 juta bagi membantu petani, penternak, peladang dan nelayan di negeri yang terjejas banjir.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata peruntukan menerusi Tabung Bencana Pertanian itu akan memberikan pampasan sehingga 50 peratus daripada nilai kerugian.

"Pada masa sama, Agrobank turut menyediakan kemudahan pinjaman kepada pengusaha agromakanan sehingga RM430 juta.

"Agrobank juga memberikan moratorium sehingga enam bulan kepada peminjam sedia ada yang terjejas banjir," katanya selepas Majlis Agro MADANI Kelantan, di sini, semalam.

## Kelantan rugi RM20.3 juta

Beliau berkata, laporan awal kerugian yang dialami sektor agromakanan di negeri itu RM20.3 juta membabitkan 1,875 orang.

"Ini membabitkan 10 daerah di negeri itu yang terjejas banjir termasuk Tumpat, Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok, Tanah Merah, Machang dan Jeli.

"Daripada jumlah kerugian sektor agromakanan di Kelantan, sebanyak RM11 juta membabitkan tanaman padi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, selaras dengan konsep Keterjaminan Makanan Tanggungjawab Bersama, program pengukuhan keterjaminan makanan, bukan tanggungjawab KPKM semata-mata sebaliknya membabitkan peranan semua pihak.

"Menerusi Belanjawan 2024, sejumlah RM400 juta disediakan bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif khusus dengan memberikan penekanan dan meningkatkan pengeluaran domestik dan kadar sara diri komoditi makanan utama.

"Daripada jumlah berkenaan, sebanyak RM150 juta diperuntukkan untuk kerjasama dengan kerajaan negeri dalam mengoptimum penggunaan tanah bagi meningkatkan hasil tanaman dan ternakan," katanya.



*Mohamad diiringi Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Kelantan, Tuan Saripuddin Tuan Ismail (kiri) menyampaikan bantuan terjejas banjir kepada pesawah pada Majlis Agro MADANI Kelantan di Kota Bharu, semalam.*

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | KOSMO | NIAGA | 37 |





TENGKU AHMAD BADLI SHAH (kiri) bersama Mohamad Sabu (tengah) pada majlis pelancaran CDC di Tunjong, Kota Bharu semalam.

# Agrobank lancar CDC pertama di RTC

**KOTA BHARU** – Pusat Pembangunan Komuniti (CDC) yang pertama dibangunkan oleh Agrobank di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Tunjong di sini bakal memberi manfaat kepada komuniti sektor pertanian di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, pusat tersebut akan menyediakan perkhidmatan pembangunan modal insan dalam mengintegrasikan petani dan teknologi untuk meningkatkan kecekapan yang merangkumi penggunaan alat pertanian khusus, perisian pengurusan ladang serta peranti internet kebendaan (IoT).

Menurut beliau, ia juga dapat menyokong pembangunan mampan dalam penyampaian faedah ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk mewujudkan nilai perniagaan yang besar dengan kerjasama kerajaan dan badan bukan kerajaan.

"Pusat pembangunan ini adalah komitmen Agrobank terhadap pertumbuhan pertanian dalam memperkasakan komuniti tempatan, memupuk inovasi di samping dapat menyumbang kepada kemakmuran jangka panjang sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian CDC yang disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu di sini semalam.

Mengulas lanjut, Tengku Ahmad memberitahu, CDC akan menyediakan maklumat mengenai geran, subsidi dan peluang pembiayaan selain akses sumber kewangan yang penting untuk pembangunan projek pertanian.

RTC Tunjong yang dimiliki oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) merupakan kompleks pasar borong melibatkan 807 peruncit melibatkan peniaga di Kota Bharu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | KOSMO | NEGARA | 4 |

# KDN, AGC rangka RUU tubuh agensi tunggal kawal negara

**PUTRAJAYA** – Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama Jabatan Peguam Negara (AGC) kini sedang merangka satu Rang Undang-Undang (RUU) bagi penubuhan sebuah agensi tunggal kawalan negara (SBA).

Menurut Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, RUU berkenaan dijangka dibentangkan pada suku pertama tahun ini di Parlimen.

"Jemaah Menteri baru sahaja memberikan persetujuan untuk cadangan diadakan RUU bagi maksud menubuhkan entiti baharu SBA yang akan memakai satu nama dan seterusnya beroperasi sebagai satu agensi kawalan sempadan yang baharu.

"Keputusan (itu) dibuat pada mesyuarat Jemaah Menteri yang lepas dengan jangkaan bahawa pada tahun ini juga (dibentangkan), iaitu tidak melepasi suku pertama Parlimen tahun ini.

"Bermula sekarang dengan kelulusan Jemaah Menteri itu, maka KDN dan Pejabat Peguam Negara, kami akan memulakan kerja untuk maksud mewujudkan atau mengadakan RUU baharu tersebut," katanya menerusi sidang akhbar selepas Majlis Amanat Menteri Dalam Negeri Tahun 2024 di sini semalam.

Pada pembentangan Belanjawan 2024 lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan penubuhan SBA sebagai sebahagian daripada inisiatif memperkukuh tahap kesiapsiagaan pertahanan dan keselamatan negara.

Sebelum ini, Saifuddin dilaporkan berkata, inisiatif SBA yang dirancang sejak 2018 bagi menyatukan lebih 20 agensi penguat kuasa di 141 pintu masuk antaranya Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).




**SAIFUDDIN hadir pada Majlis Amanat Menteri Dalam Negeri Tahun 2024 di Kompleks Setia Perkasa, Putrajaya semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Bekalan sayur kurang, harga naik

**KOTA BHARU:** Cuaca tidak menentu ketika ini memberi kesan kepada bekalan sayuran-sayuran sekali gus menyebabkan berlaku kenaikan harga.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pasar Siti Khadijah dan pasar-pasar lain mendapati harga beberapa jenis sayur mengalami kenaikan harga berikutan peniaga terpaksa mendapatkan bekalan dari negara jiran.

Antara yang mengalami kenaikan harga adalah lada merah dari RM15 kepada RM20 sekilogram (kg), lada hijau dari RM12 kepada 15 (kg), tomato dari RM6 kepada RM8 (kg), timun dari RM4 kepada RM6 (kg) dan kangkung dari RM2 tiga ikat kepada RM1 seikat.

Peniaga, Atilah Mat Zin, 28, berkata, kenaikan harga bahan mentah itu berlaku lebih sebulan lalu berikutan bekalan sayur tempatan tidak mencukupi kerana musnah akibat banjir

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan pemborong terpaksa mengambil bekalan dari negara jiran dengan harga lebih tinggi.

"Kini peniaga terpaksa bergantung kepada bekalan dari Thailand kerana ketiadaan bekalan sayur tempatan memandangkan sekarang adalah musim hujan.

"Kita mendapat bekalan dari Thailand dengan harga tinggi menyebabkan peniaga juga terpaksa menjual harga sedikit mahal, tambahan lagi nilai mata wang negara jiran juga tinggi," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Atilah memberitahu, kenaikan harga ini turut memberi kesan kepada pengguna yang terpaksa berbelanja lebih untuk membeli barangan keperluan harian.

Katanya, kenaikan ini juga dijangka berterusan memandangkan selepas ini akan menyambut perayaan Tahun Baharu Cina diikuti Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri.

"Sebagai peniaga, saya juga terkesan dengan kenaikan ini kerana ketika ini pembeli agak kurang berbelanja kerana harga barangan melonjak naik.

"Peniaga juga tidak mahu pembeli terbeban dengan menaikkan harga sewenang-wenangnya," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# Rezeki jual ikan bekok, raih RM4,000 sebulan

**BESUT** – Seorang ibu tunggal mampu meraih pendapatan bulanan sehingga RM4,000 sebulan menerusi jualan ikan bekok yang diusahakannya sejak lima tahun lalu.

Siti Nurhidayah Mohd. Seman, 37, berkata, permintaan terhadap ikan bekok yang diperbuat daripada ikan gelama dan cencaru itu semakin melonjak pada musim tengkujuh sehingga mencecah jualan 30 kilogram seminggu.

Beliau berkata, hasil jualan ikan bekok yang sedap digoreng bersama bawang dan cili digunakan sebagai sumber pendapatan membesarkan dua anak berusia sembilan dan 12 tahun.

"Pada mulanya, saya hanya menghasilkannya untuk dimakan sendiri pada 2019 sebelum mula berniaga secara serius setahun kemudian. Semuanya selepas saya diberhentikan kerja ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ikan bekok ini dahulu dihasilkan nelayan sebagai persiapan tidak dapat ke laut pada musim tengkujuh, namun kini ia semakin digemari ramai," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Kampung Padang Luas di sini semalam.

Siti Nurhidayah berkata, biasanya dia akan mencari stok ikan gelama dan cencaru di Kompleks Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Besut di sini.

Katanya, ikan segar tersebut akan disiang dan dibelah perut sebelum direndam dengan air garam semalaman.

"Ikan-ikan itu kemudiannya akan direndam pula ke dalam air biasa bagi mengurangkan rasa masin berlebihan.

"Proses seterusnya ialah dijemur selama tiga hingga lima jam bergantung kepada cuaca sebelum terus dipek," katanya.

Siti Nurhidayah berkata, ikan bekok gelama dijual pada RM35 sekilogram, manakala RM15 sepaket.



**SITI NURHIDAYAH menunjukkan antara ikan bekok yang dihasilkannya di Kampung Padang Luas, Besut semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/1/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 13 |

2030 PERAK SEJAHTERA

KERJAYA PETANI LABU AIR MENGUNTUNGKAN

# Dari jurudawai elektrik ke pertanian

**Kuala Kangsar:** Dahulunya anak muda ini tidak pernah berminat dalam bidang pertanian walaupun dibesarkan dalam suasana kampung.

Namun selepas berasa puas berkelana mencari rezeki sebagai jurudawai elektrik di Bangi selama empat tahun, Megat Hairul Anuar Megat Ariffin, 39, akhirnya memilih meneroka bidang pertanian kerana memahami isu keterjaminan makanan tidak boleh dipandang remeh berikutan ia menjadi keperluan hakiki manusia.

Berbekalkan bantuan rakan petani dan bimbingan Jabatan Pertanian sejak 2018, beliau mengambil langkah menyewa tanah di kawasan bukit dekat Kampung Semat, di sini menjadi sebuah kebun perusahaan labu air dengan berbekal modal RM2,000.

"Saya sebenarnya tak menyangka dengan menyewa tanah berkeluasan hanya setengah ekar sahaja, saya dapat tuai hasil mencecah empat tan labu air setiap musim dengan nilai jualan RM8,000.



MEGAT Hairul Anuar meninjau keadaan kebun labu air di yang diusahakannya di kawasan bukit dekat Kampung Semat, Manong. Gambar kecil, hasil labu air yang diusahakannya. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI.

"Tak perlu menunggu lama kerana labu air ini mengambil masa 40 hari sahaja dari semai hingga hasilnya cukup matang untuk dipetik dan sedia dijual kepada pemborong di Pasar Awam Menglembu, Ipoh dan Pasar Awam Ayer Tawar, Manjung," katanya.

Berkongsi aspek penjagaan tanaman sayuran itu, Megat Hairul Anuar berkata, labu air antara jenis tanaman yang mudah dijaga kerana mempunyai ketahanan yang agak kuat berbanding tanaman lain.

Menurutnya, ia hanya memerlukan air yang cukup sahaja untuk mengelakkan serangan penyakit yang akan menjadikan daun menjadi kuning.

"Selain itu, saya turut membuat jadual khusus untuk semburan racun iaitu seminggu dua kali sebagai langkah pencegahan mengelakkan serangan penyakit atau kulat.

"Bagi mengelakkan ia berjangkit kepada pokok lain, saya akan potong dan buang daun yang bermasalah untuk memulihkan kembali pokok," katanya memaklumkan bercadang mengembangkan lagi perusahaan itu dengan menambah sewaan lot tanah.

Beliau juga memaklumkan sedang mengusahakan tanaman cili fertigasi jenis Sakata 461 di tanah 0.6 hektar (1.5 ekar) berdekatan kediamannya di Kampung Piol, Manong.

"Terima kasih kepada Jabatan Pertanian kerana bukan sahaja menyediakan kursus pertanian, malah membantu menyediakan bantuan baja dan sistem perpaipan untuk kebun cili saya.

"Kerja-kerja meracun pula saya bersama rakan-rakan pekebun cili fertigasi di Manong manfaatkan robot hasil geran RM12,000 Jabatan Pertanian sebagai langkah penerapan 'smart farming' menggunakan Internet Pelbagai Benda (IoT).

"Teknologi ini memudahkan kerana kami boleh hidupkan ia menggunakan aplikasi di telefon pintar dan mengawal isipadu racun dengan tepat dari jarak jauh, tanpa perlu ke kebun," katanya.

Beliau berkata, bantuan yang dihulurkan agensi terbabit menunjukkan komitmen kerajaan negeri bagi menjayakan flagship Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) melalui pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan ilham Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad.